

Masyarakat Berilmu Perlu Dilengkapi Dengan Moral Dan Akhlak Terpuji - Najib Bernama
20 June, 2013

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata masyarakat berilmu perlu dilengkapi dengan moral dan akhlak terpuji untuk membentuk masyarakat dan negara terbilang.

Perdana menteri berkata masyarakat berilmu juga bakal melonjakkan prestasi dan menjamin kemakmuran negara.

"Secara peribadi, saya berpendapat bahawa ilmu perlu dilengkapi dengan moral dan akhlak terpuji. Gabungan ilmu dan moral akan membentuk masyarakat dan negara terbilang," katanya dalam laman sosial Facebook beliau Khamis.

Najib berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengenai kepentingan melabur menerusi ilmu.

Baru-baru ini, Mohamed Khaled mengingatkan golongan belia supaya terus menguasai ilmu, kemahiran dan pengetahuan untuk dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara lebih menyeluruh.

Sifat 'melabur diri' itu akan menjadikan belia lebih berdaya saing dan berfikiran positif sekali gus menjadikan mereka aset penting dalam masyarakat, tegas Mohamed Khaled.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957529>